



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS, 10 JUN 2021

1	<b>RM1,000 sebulan jamu kucing</b>
2	<b>Hero kucing jalanan</b>

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.06.2021	SINAR HARIAN	DALAM NEGERI	24

## RM1,000 sebulan jamu kucing

Rutin harian anak muda beri makan lebih 100 ekor kucing di pantai dan pasar

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

BACHOK

Walaupun dia seorang buruh dengan gaji tidak seberapa, tetapi itu bukanlah penghalang buat seorang anak muda membelanjakan RM1,000 sebulan untuk membeli makanan kucing jalanan.

Tepat jam 6 petang, seekor demi seekor kucing jalanan mula memenuhi dataran Pantai Irama di sini.

Ada juga yang awal-awal lagi sudah menanti kehadiran Muhammad Shahrul Fikri Samsuri, 22, untuk mendapatkan makanan.

Tindakan spontan kucing-kucing itu memperlihatkan betapa akrabnya hubungan antara Muhammad Shahrul Fikri atau lebih mesra disapa Shah dengan haiwan terbabit.

Situasi itu disaksikan sendiri oleh wartawan *Sinar Harian* yang mendapati kucing-kucing tersebut akan menggerumuni Shah sebaik sahaja melihat atau mendengar bunyi enjin motosikal anak muda tersebut.

Menurut Shah, rutin yang dimulakan sejak sekian lama itu sudah menjadi darah dagingnya. "Saya tidak pernah menyedal menghabiskan ribuan ringgit semata-mata mahu menjamu kucing jalanan.

"Bila dapat berbuat demikian, saya bukan sahaja gembira malah ia menjadi terupi menghilangkan keletihan bekerja," katanya yang bekerja di Kota Bharu.

Apa yang lebih menyentuh perasaan Shah, kucing-kucing itu dilihat sudah selesa dengan kehadirannya.



Muhammad Shahrul Fikri membelanjakan RM1,000 sebulan bagi membeli makanan untuk kucing jalanan di sekitar Bachok.

Setiap hari lebih 100 ekor kucing di sekitar pantai dan pasar berhampiran diberi makan.

Shah berkata, selain makanan kering seperti biskut, dia turut memberikan makanan basah dalam tin.

"Bila kucing-kucing terbiasa sihat, saya akan gembira.

"Lebih-lebih lagi sekarang kita sedang melalui Sekatan Pergerakan Penuh sehingga menyebabkan semua gerai dan kedai makan di sekitar pantai tidak dapat beroperasi.

"Ini menyukarkan lagi kucing-kucing terbiasa untuk mendapatkan makanan," ujarnya

yang turut memelihara 15 ekor kucing di rumah.

Anak kelahiran Kampung Perupok itu memberitahu, setiap hari dia "memecut" laju motosikal selepas waktu kerja kerana mahu berjumpa dan bermain dengan kucing jalanan tersebut.



MUHD Shahrul sanggup menggunakan wang gajinya lebih RM500 sebulan bagi membeli makanan untuk kucing jalanan.

## Hero kucing jalanan

*Pemuda sediakan empat kilogram makanan sehari buat 'si bulus'*

Oleh Hidayatdayu Razali  
am@hmetro.com.my

Bachok

**M**ulianya hati seorang pemuda apabila hampir setiap hari dia akan meluangkan masa dengan memberi makan kepada hampir 100 kucing jalanan di Pantai Irama, di sini.

Untuk memastikan kucing jalanan itu mendapat makanan mencukupi, pekerja binaan Muhd Shahru Fikri Shamsuri, 22, sanggup menggunakan wang gajinya lebih RM500 sebulan bagi membeli makanan selain turut mendapat bantuan daripada Pertubuhan Kebajikan Haiwan Kota Bharu.

Muhd Shahru Fikri yang tinggal di Kampung Perupok berkata, setiap petang selepas pulang dari kerja, dia akan ke Pantai Irama untuk memberi makan ke-

pada kucing terbiar dan me luangkan masa paling kurang selama satu jam.

"Saya bekerja di Kota Bharu dan selepas pulang dari kerja, saya akan terus datang untuk memberi makan kepada kucing di beberapa lokasi termasuk tepi pantai, pondok menunggu dan di bawah pokok."

"Lebih menggembirakan apabila kucing ini akan sambut ketibaan saya apabila ia akan mengelilingi saya sepanjang saya di situ," katanya ditemui di Pantai

Irama, kelmarin.

Anak ketiga daripada enam adik-beradik itu berkata, setiap hari dia akan menyediakan sebanyak empat kilogram makanan kucing.

Menurutnya, makanan itu cukup untuk diagihkan kepada kucing jalanan di lokasi terbabit.

"Selain memberi makan, saya juga akan merawat kucing yang sakit termasuk memberi ubat. Jika kucing itu tidak dapat dirawat, saya akan membawanya

berjumpa doktor haiwan.

"Untuk berjumpa doktor haiwan, saya juga akan ke luarkan wang sendiri selain turut mendapat sumbangan daripada mereka yang berhati mulia."

"Saya bersyukur kerana dapat peluang berbakti kepada haiwan terbiar ini walaupun ia satu sumbangan yang kecil sahaja memandangkan saya turut memelihara 15 kucing di rumah," katanya yang membuat kerja amal itu sejak lebih setahun lalu.

Menurutnya, kerja amal itu dilakukan secara ikhlas dan tidak mengharapkan balasan atau pujian orang ramai.

Katanya, dia berharap lebih ramai yang tumpi untuk memberi makan kepada kucing me mandangkan kawasan pantai itu kurang per ngunjung ekoran pelabuhanan sekatan pergerakan penuh (SPP).



“  
Saya juga akan merawat kucing yang sakit termasuk memberi ubat  
Muhd Shahru